

PARLIMEN-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KERAJAAN JUGA, KATANYA AKAN MEMBERI KEUTAMAAN AGAR PEMINDAHAN KUASA DAN BIDANG KUASA TERSEBUT TIDAK AKAN MENIMBULKAN APA-APA GANGGUAN DALAM PENTADBIRAN HARIAN PULAU LABUAN ATAU KESULITAN KEPADA PENDUDUKNYA.

BELIAU MENJELASKAN BEBERAPA PERUNTUKAN TELAH DIADAKAN DALAM RANG UNDAANG-UNDAANG ITU BAGI MENJAMIN AGAR MASALAH SEUMPAMA ITU TIDAK AKAN TIMBUL IAITU:

+ UNDAANG-UNDAANG YANG SEDIA TERPAKAI DI PULAU ITU, MELAINKAN PERLEMBAGAAN NEGERI, TERUS BERKUASA SELEPAS IANYA MENJADI WILAYAH PERSEKUTUAN SEHINGGALAH UNDAANG-UNDAANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN BERKUASA:

+ PENTADBIRAN PULAU LABUAN DITERUSKAN SEBAGAI MAJLIS PERBANDARAN SERTA JUGA SEBAGAI PELABUHAN PERSENTAS CUKAI:

+ PENGGUNAAN BAHASA PRIBUMI DI MAHKAMAH ANAK NEGERI DITERUSKAN DAN MENGEKALKAN HAK KEMASUKAN PENDUDUK ASAL LABUAN KE SABAH DAN HAK PEMASTAUTIN MEREKA DI NEGERI ITU.

BELIAU JUGA MENYATAKAN SESEDRANG AHLI PARLIMEN ATAU AHLI DEWAN UNDAANGAN NEGERI SABAH YANG KAWASAN PILIHANRAYA SEKARANG INI MELIPUTI PULAU LABUAN AKAN TERUS MENDUDUKI KERUSINYA SELEPAS PENUBUHAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEHINGGA PARLIMEN ATAU PUN DEWAN UNDAANGAN NEGERI SABAH DIBUBARKAN. -- LAGI 1739/PA

PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

ULANGKAJI PERSEMPADANAN KAWASAN PILIHANRAYA YANG SEDANG DIJALANKAN SEKARANG AKAN MEMPERUNTUKKAN SATU BAHAGIAN PILIHANRAYA DIWUJUDKAN UNTUK WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TANPA MENJEJASKAN JUMLAH BILANGAN BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN SABAH SEKARANG.

KATANYA ULANGKAJI ITU JUGA AKAN MEMBUAT PERUNTUKAN SUPAYA BILANGAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA NEGERI SABAH AKAN TETAP SAMA BILANGANNYA SEPERTI SEKARANG.

MENGENAI KEMUSYKILAN YANG DITIMBULKAN MENGENAI HAK RAKYAT SABAH, BELIAU BERKATA SOALAN SEPERTI ITU TIDAK SEHARUSNYA TIMBUL KERANA TIDAK TERJADI KEHILANGAN HAK SESIAPA PUN.

KATANYA SEBAGAI CONTOH SE-TELAH KUALA LUMPUR MENJADI WILAYAH PERSEKUTUAN TIDAK ADA SESIAPA YANG KEHILANGAN HAK DAN BEGITU JUGA PENDUDUK PULAU LABUAN MEREKA ADALAH RAKYAT MALAYSIA YANG MEMPUNYAI HAK YANG SAMA DENGAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA YANG LAIN.

BELIAU MELAHIRKAN PENGHARGAAN PENUH KERAJAAN PERSEKUTUAN DI ATAS PANDANGAN JAUH SERTA KEMURAHAN HATI KERAJAAN NEGERI SABAH KERANA MENYERAHKAN PULAU LABUAN UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN. -- BERNAMA 1741/PA